

PELANCARAN MODUL APLIKASI PENDAFTARAN PERMIT PENJAJA MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH DAN PENYERAHAN KIT WARONG RIDER PARLIMEN PARIT

PROGRAM MENTERI BESAR BERSAMA RAKYAT (MESRA)
MEMPERKENALKAN INISIATIF PENDIGITALAN
PERKHIDMATAN KE DAERAH PERAK TENGAH
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

BANDAR SERI ISKANDAR, APRIL 1, 2021 - Melalui Program Menteri Besar Bersama Rakyat (MESRA) di Daerah Perak Tengah, satu modul aplikasi pendaftaran permit penjaja Majlis Daerah Perak Tengah atas inisiatif Kerajaan Negeri Perak dengan kerjasama Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) dan Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT) akan dilancarkan dalam sesi Majlis Santai Anak MESRA Bersama Anak Muda.

Melalui aplikasi ini, para penjaja di daerah Perak Tengah boleh memohon permit mengikut tempoh yang diperlukan, iaitu 1, 7 atau 30 hari dengan lebih mudah dan sistematik.

Selain itu, aplikasi ini juga membolehkan orang ramai untuk menempah fasiliti sewaan seperti kemudahan co-working space, iaitu ruang kerja bersama dan makmal komputer di Hub Inovasi & Multimedia (HiM), di bawah Digital Perak.

Perkhidmatan dalam talian ini menggunakan pakai mod bayaran tanpa tunai kiplePay seperti perbankan dalam talian (FPX), kad kredit dan debit serta kemudahan e-dompet.

Aplikasi kiplePay ini yang boleh dimuat turun secara percuma daripada Google Play store atau Apple App Store bagi pengguna Android dan iOS.

Pada masa yang sama, seramai 10 orang rider Warong Rider Parlimen Parit akan menerima kit yang mengandungi set peralatan seperti kemeja-T, beg pouch dan beg penghantaran barang.

Setakat ini, seramai 394 orang rider telah berdaftar di portal Perak Digital: <https://digital.perak.my/rider/> serta operasi penghantaran pesanan di kawasan-kawasan Parlimen Parit Buntar, Bagan Serai dan Gerik telah dimulakan pada bulan lepas dan Parlimen Parit, pada hari ini.

Platform pendaftaran rider tersebut telah dibangunkan oleh pihak Digital Perak bagi menyokong inisiatif ini yang dilaksanakan oleh Gabungan Persatuan Penjaja Dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia bersama-sama dengan Idea Creative Technology Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat solusi IT, bagi membantu memberikan khidmat penghantaran kepada para penjual makanan dan juga untuk menjana peluang pekerjaan kepada rakyat di Perak, terutamanya golongan asnaf, menganggur dan B40.

Kedai makan dan restoran yang berminat untuk mendapatkan perkhidmatan Warong Rider boleh mendaftar di <https://kiple.com/merchant-registration/digital-perak/>

Para pembeli boleh memesan makanan di portal **Warongku** di <https://warongku.my/> dengan menikmati kemudahan pembayaran tanpa tunai kiplePay juga.

Kedua-dua sesi ini dijangka disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani Mohamad, di Dataran Tanjak, malam ini.

Dijangka hadir bersama, Pengurus Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia, YB Encik Khairul Shahril bin Mohamed, YDP MDPT, Tuan Mohd Syukri Bin Azaari, Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr. Hj. Meor Redwan, Ketua Pegawai Eksekutif ICTSB merangkap Ketua Niaga Muda GPPPKMM, Tn. Hj. Mohd Nadzri Bin Kamarulzaman dan Ketua Pegawai Eksekutif, Kiplepay Sdn. Bhd., Tan Kay Yen.

